



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

MERDEKA!

Tepat pada tengah malam
seluruh rakyat bertempok
'Malaya sudah merdeka'

PAMERAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

KOLEKSI-KOLEKSI
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Negaraku,
Tanah Tumpahnya
darahku,
Rakyat hidup
bersatu dan maju,
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan,
Raja kita selamat
bertakhta.



MERDEKA!

Tepat pada tengah malam
seluruh
Malaya

PENGENALAN

Pameran Kemerdekaan Tanah Melayu bertujuan mengenang perjuangan rakyat Malaysia dalam usaha mencapai kemerdekaan yang bersejarah pada 31 Ogos 1957. Melalui pameran ini, pengunjung dapat menyelusuri detik-detik penting yang membentuk asas negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Koleksi yang dipamerkan adalah sebahagian daripada khazanah berharga milik Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang boleh dirujuk di Pusat Rujukan Malaysiana, Menara PNM.

Pameran ini merangkumi pelbagai bentuk koleksi seperti Koleksi Terbitan Bersiri Malaysiana, Koleksi Monograf Malaysiana dan Koleksi Khas Malaysiana yang mendokumentasikan peristiwa-peristiwa penting berkaitan kemerdekaan. Antara yang ditonjolkan termasuk peristiwa pengisytiharan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman, penurunan bendera Union Jack, pemilihan lagu kebangsaan dan pembentukan Malaysia pada 1963.

Selain itu, pameran ini bukan sahaja untuk memaparkan sumber sejarah tetapi juga untuk memupuk semangat patriotisme, meningkatkan kesedaran rakyat tentang nilai kemerdekaan dan menghargai perjuangan tokoh-tokoh terdahulu. Ia juga bertujuan menyemai rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat agar terus mempertahankan keamanan dan kemerdekaan yang telah dicapai.



MERDEKA!

KOLEKSI TERBITAN BERSIRI MALAYSIANA (SURAT KHABAR)



Infografik ini memaparkan maklumat penting mengenai Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj termasuk latar belakang, sumbangan kepada kemerdekaan, pembentukan Malaysia dan peristiwa bersejarah seperti pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Infografik ini juga turut disertakan dengan gambar dan kronologi yang memperingati jasa beliau sebagai Bapa Kemerdekaan Malaysia.

Sumber Rujukan:
Norasyikin Mat Hayin. "Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj." *Metro*, 25 Ogos 2019, m.s. 18-19.



Artikel ini membincangkan tentang pembentukan Malaysia yang melalui pelbagai cabaran getir termasuk tentangan daripada Filipina dan Indonesia terhadap gagasan penubuhan negara baharu itu. Artikel ini turut menekankan kepimpinan berwibawa, semangat perpaduan rakyat dan usaha diplomatik dalam memastikan pembentukan Malaysia berjaya dilaksanakan pada 16 September 1963. Disertakan juga gambar bersejarah, tokoh penting dan peristiwa-peristiwa utama berkaitan pembentukan negara.

Sumber Rujukan:
Mohd Ayop Abd Raziq. "Pembentukan Malaysia Lalui Cabaran Getir." *Berita Harian*, 12 Sep. 2021, m.s. 30-31.

MERDEKA!

KOLEKSI TERBITAN BERSIRI MALAYSIANA (MIKROFILEM)



Keratan akhbar Berita Harian bertarikh 31 Ogos 1957 ini melaporkan detik bersejarah pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu. Tajuk utama "MERDEKA!" menggambarkan laungan keramat oleh Tunku Abdul Rahman yang disambut dengan penuh semangat oleh seluruh rakyat. Artikel ini turut menggambarkan suasana emosi rakyat ketika itu berdiam selama dua minit sebelum bersorak serentak serta liputan meluas di seluruh negeri mengenai pekikan kemerdekaan oleh 'Bapa Merdeka'. Kandungan ini mencerminkan kegembiraan dan kebanggaan rakyat menyambut lahirnya sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Sumber Rujukan:
"Merdeka." Berita Harian, 31 Ogos 1957.



MERDEKA!

Tepat pada
seluruh ras
Malaysia

KOLEKSI TERBITAN BERSIRI MALAYSIANA (MAJALAH)



Artikel ini menyentuh tentang semangat patriotisme rakyat Malaysia yang dizahirkan melalui kempen Keranu Malaysia. Penulisan ini mengajak rakyat untuk mengenang jasa pemimpin, memperkukuh perpaduan kaum dan menghayati erti sebenar kemerdekaan serta kecintaan terhadap negara. Gambar sambutan meriah turut disertakan dengan penglibatan masyarakat pelbagai kaum, memperlihatkan semangat muhibah dan identiti nasional.

Sumber Rujukan:

Rahaiza Ismail, "Keranu Malaysia," Massa, bil. 306, 25-31 Ogos 2001, m.s. 14-17.



MERDEKA!

Tepat pada
seluruh ras
'Malay'

KOLEKSI TERBITAN BERSIRI MALAYSIANA (MAJALAH)



Artikel ini menekankan bahawa kemerdekaan sesebuah negara bukan sahaja melibatkan aspek politik dan pentadbiran, tetapi juga kebebasan dan pemeraksanaan bahasa kebangsaan. Penulis menyeru agar rakyat terus mempertahankan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu, sejajar dengan semangat kemerdekaan serta peruntukan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Artikel ini turut mengupas sejarah dan usaha memperjuangkan bahasa Melayu sebagai identiti nasional selepas merdeka.

Sumber Rujukan:
Normah Ahmad. "Merdeka Negara, Merdeka Bahasa." Dewan Bahasa, bil. 08, 2023, ms. 8-11.

MERDEKA!

Tepat pada tengah malam
seluruh rakyat Malaysia...

KOLEKSI TERBITAN BERSIRI MALAYSIANA (MAJALAH)



Artikel ini mengupas peristiwa-peristiwa penting yang berlaku menjelang kemerdekaan negara antaranya adalah rombongan kemerdekaan ke London, peristiwa 31 Ogos 1957 dan persiapan rakyat menyambut hari bersejarah tersebut. Artikel ini turut memaparkan gambar arkib bersejarah serta menekankan kepentingan penglibatan rakyat dalam proses kemerdekaan dan penggunaan bahasa Melayu sebagai lambang identiti negara.

Sumber Rujukan:

Norhidayah Harun. "Menjelang Kemerdekaan Negara, Merdeka Bahasa." *Dewan Pelajar*, bil. 08, 2023, m.s. 14-17.



MERDEKA!

KOLEKSI TERBITAN BERSIRI MALAYSIANA (MAJALAH)



Artikel pertama bertajuk “Turunnya Bendera ‘Union Jack’” memaparkan peristiwa simbolik penurunan bendera British pada jam 12.00 tengah malam 31 Ogos 1957 sebagai tanda berakhirnya pemerintahan kolonial. Artikel kedua bertajuk “Pemilihan Lagu Kebangsaan” pula menerangkan proses pemilihan lagu rasmi negara, iaitu Negaraku, yang menggambarkan identiti dan semangat nasionalisme. Kedua-dua artikel ini disampaikan secara ringkas dan bergambar bagi menarik minat pembaca muda.


Sumber Rujukan:
 “Turunnya Bendera ‘Union Jack’,” Kuntum, jil. 40, Ogos 2019, m.s. 6.
 “Pemilihan Lagu Kebangsaan,” Kuntum, jil. 40, Ogos 2019, m.s. 7.



MERDEKA!

Tepat
seluruh
Malaya sudah

KOLEKSI MONOGRAF MALAYSIANA



Buku ini merupakan sebahagian daripada Siri Tokoh Baka, diterbitkan oleh International Book Service pada tahun 1985. Ia mengisahkan perjalanan hidup dan sumbangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai pemimpin utama dalam perjuangan mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Buku ini turut merakamkan detik-detik penting dalam kerjaya politik beliau serta nilai kepimpinan yang menjadikan beliau dikenang sebagai Bapa Kemerdekaan Malaysia.


Sumber Rujukan:
Ahmad Bujang dan Mohd. Sahari Nordin. *Bapa Kemerdekaan: Tunku*. International Book Service, 1985.
Nombor panggilan: 923.2595 ARPA M

MERDEKA!

Saat yang sangat bersejarah

Tepat seluruh 'Malaya' sudah

KOLEKSI MONOGRAF MALAYSIANA



Buku ini merupakan sebuah karya sejarah penting yang mengupas perkembangan politik, pemerintahan, dan budaya Tanah Melayu sejak zaman awal hingga era penjajahan British. Buku ini sering dijadikan rujukan utama dalam kajian sejarah Malaysia dan turut menampilkan tokoh-tokoh penting termasuk Tunku Abdul Rahman, Sultan-sultan Melayu serta perkembangan institusi pemerintahan tradisional.

Sumber Rujukan:
Winstedt, Richard O. A History of Malaya. Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd., 1982.
Nombor panggilan: 959.5 WIN M



MERDEKA!

Tepat
seluruh
Malaya sudah merdeka

KOLEKSI MONOGRAF MALAYSIANA



Buku ini menghimpunkan pandangan dan pemahaman rakyat Malaysia tentang erti sebenar kemerdekaan. Kandungan ini menekankan bahawa kemerdekaan bukan sekadar bebas dari penjajahan tetapi juga meliputi semangat patriotik, tanggungjawab membina negara dan kesedaran sivik dalam kalangan generasi muda untuk memastikan Malaysia terus gemilang.

Sumber Rujukan:
Shahida, Makna Merdeka Malaysiaku Gemilang. Penerbit Wawancara, 2010.
Nombor panggilan: 959.5 SHA M



MERDEKA!

KOLEKSI MONOGRAF MALAYSIANA



Buku ini menghimpunkan ungkapan kata-kata tokoh negara berkaitan perjuangan dan semangat kemerdekaan termasuk kata-kata hikmah, motivasi dan nasionalisme daripada pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman dan tokoh-tokoh lain. Ia memberi inspirasi dan menyemai kesedaran patriotik dalam kalangan pembaca terutamanya generasi muda.

Sumber Rujukan:
Mutiara Kata Kemerdekaan Malaysia. Terbilang Buku, [2012].
Nombor panggilan: 959.5 MUT M



MERDEKA!

Sant yang sangat bersejarah

Tepat seluru

Malaya sudah m

KOLEKSI MONOGRAF MALAYSIANA

221-00404

Sejarah Nasional Malaysia




Buku ini membincangkan secara menyeluruh proses pembinaan negara bangsa Malaysia selepas mencapai kemerdekaan. Ia merangkumi usaha awal seperti pelaksanaan pilihan raya, pembentukan ideologi negara berbilang kaum dan cabaran dalam Persekutuan Tanah Melayu. Buku ini turut mengupas peranan Malaysia dalam pertubuhan Komanwel, proses pembentukan Malaysia pada tahun 1963, perkembangan sistem pendidikan sebagai tonggak pembangunan negara dan peristiwa 13 Mei 1969 dalam konteks perpaduan nasional serta diikuti dengan fasa baharu pembinaan negara bangsa dan konflik dalaman yang menguji kestabilan dan perpaduan negara.

Sumber Rujukan:

Mohd Samsudin dan Mohd Ashraf Ibrahim. *Pengisian Kemerdekaan 1957-1970*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021.

Nombor panggilan: 959.5 MS M



MERDEKA!


Tepat
seluruh
Malaya sudah

KOLEKSI MONOGRAF MALAYSIANA



Buku ini menghimpunkan kronologi penting yang membawa kepada kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. Buku ini memperincikan peristiwa-peristiwa utama seperti penjajahan British, kebangkitan nasionalisme, perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan dan pengisytiharan kemerdekaan. Ia sesuai dijadikan bahan rujukan sejarah kerana disampaikan secara ringkas, padat dan disertai dengan ilustrasi yang memberi gambaran visual tentang detik-detik bersejarah tersebut.

Sumber Rujukan:
Rentetan sejarah kemerdekaan Malaysia. WM Supply Sdn. Bhd., 2012.
Nombor panggilan: 959.5 REN M



MERDEKA!

Tepat pada tengah malam
seluruh rakyat
'Malaya sudah merdeka'

KOLEKSI KHAS MALAYSIANA



Buku ini mengisahkan perjalanan hidup dan sumbangan besar Dato' Onn Ja'afar dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Buku ini menceritakan sumbangan beliau sebagai pengasas UMNO, penentang Malayan Union dan tokoh awal yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Buku ini juga menyentuh peranan beliau dalam penubuhan Rural and Industrial Development Authority (RIDA), penglibatan dalam sidang negeri Johor dan kemunculan Independence of Malaya Party (IMP).

Sumber Rujukan:
Ramiah Adam, Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
Nombor panggilan: MS 1392 MKP



MERDEKA!

Tepat pada tengah malam
seluruh
Malaya

KES

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Pameran Kemerdekaan Tanah Melayu ini memberi peluang kepada masyarakat untuk mengimbas kembali detik-detik perjuangan mencapai kemerdekaan dan pembentukan negara bangsa Malaysia. Melalui koleksi-koleksi terpilih yang merangkumi pelbagai sumber, pengunjung dapat memahami peranan besar yang dimainkan oleh tokoh-tokoh seperti Tunku Abdul Rahman, Dato' Onn Ja'afar dan ramai lagi dalam membina asas kemerdekaan dan perpaduan negara.

Koleksi bahan-bahan ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan sejarah tetapi juga lambang warisan negara yang perlu terus dipelihara. Di samping itu, pameran ini juga menjadi medan penting dalam menyemai rasa cinta dan tanggungjawab terhadap tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia. Justeru, pameran ini bukan hanya sebagai penghargaan kepada masa lalu tetapi juga sebagai iltizam untuk mempertahankan kemerdekaan demi generasi akan datang.